

S-CPM/HEBAHAN/2023/JAN/001

5 Januari 2023

Kepada semua Personel Binaan Bertauliah Malaysia,

HEBAHAN PENYERAGAMAN COP PERSONEL BINAAN BERTAULIAH CIDB MALAYSIA UNTUK TAHUN 2023

1.0 LATAR BELAKANG

Pihak Sekretariat Construction Personnel Malaysia (S-CPM) telah mengenalpasti dari kalangan Personel Binaan Bertauliah CIDB Malaysia (PBB) telah memulakan penggunaan cop/rubber stamp bagi tujuan endorsan kerja-kerja berkaitan di dalam industri pembinaan.

Buat masa ini tiada polisi, garis panduan serta prosedur berkaitan penggunaan cop ini dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Terdapat pelbagai reka bentuk/format yang tidak standard/seragam digunapakai oleh personel binaan bertauliah berkaitan.

Justeru itu, bagi tujuan penyeragaman penggunaan cop PBB, pihak S-CPM mengemukakan hebahan ini sebagai panduan asas bagi semua PBB yang berminat.

2.0 JUSTIFIKASI COP (RUBBER STAMP) ENDORSAN PBB

Terdapat keperluan bagi seseorang PBB CIDB menggunakan cop/rubber stamp endorsan dalam aktiviti kerja seharian sama ada di tapak bina atau di pejabat. Cop/rubber stamp nama sebagai endorsan bagi memenuhi keperluan kerja atau sesuatu proses kerja (dikehendaki dalam kerjayanya atau diminta oleh majikannya) yang digunakan oleh PBB adalah dipandang serius.

Setiap PBB hendaklah berdaftar dengan CIDB sebagai personel binaan seperti mana yang termaktub di Bahagian VII, Seksyen 33 (1), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (1994) Akta 520 (Pindaan 2011) iaitu –

seseorang tidak boleh terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

Penggunaan cop oleh PBB dilihat praktikal dan kredibel kerana PBB tersebut telah pun melalui proses penilaian, pentauliahan dan pengakreditasi oleh CIDB Malaysia. Maka penggunaan cop/rubber stamp yang standard secara terkawal adalah amat diperlukan.


Pihak S-CPM terpenggil untuk menyediakan satu set rekabentuk yang kemas, lengkap, memenuhi keperluan dan mengambilkira semua elemen sebagai cop/rubber stamp serta telah membuat perbandingan dengan badan professional lain seperti BEM, MBOT dan ST Malaysia.

3.0 REKABENTUK COP (RUBBER STAMP) PBB

Jadual 1 menunjukkan senarai nama pentauliahan mengikut tahap kompetensi masing-masing di dalam Bahasa Inggeris sebagai rujukan. **Rajah 1** menunjukkan reka bentuk dan format cop/rubber stamp PBB bagi semua pentauliahan tahap 3, tahap 4, tahap 5 dan tahap 6.

Jadual 1: Senarai nama pentauliahan mengikut tahap kompetensi di dalam Bahasa Inggeris

No	Nama Pentauliahan	Tahap Kompetensi
1	Certified Site Supervisor (Civil & Structure – <i>with sub category</i>)	3
2	Certified Site Supervisor (Building & Architecture – <i>with sub category</i>)	3
3	Certified Site Supervisor (Mechanical Works – <i>with sub category</i>)	3
4	Certified Site Supervisor (Electric Works – <i>with sub category</i>)	3
5	Certified Site Supervisor (Civil & Structure)	4
6	Certified Site Supervisor (Building & Architecture)	4
7	Certified Site Supervisor (Mechanical Works)	4
8	Certified Site Supervisor (Electric Works)	4
9	Certified Construction Traffic Management Officer	4
10	Certified Facility Management Executive	4
11	Certified Facility Management Manager	5
12	Certified Construction Manager	5
13	Certified Construction Project Manager	6









Rajah 1: Rekabentuk dan format cop/rubber stamp




1	PERKATAAN: CERTIFIED CONSTRUCTION PERSONNEL MALAYSIA
2	JENIS PENTAULIAHAN: CONSTRUCTION PROJECT MANAGER
3	GARISAN PEMISAH NAMA
4	NAMA PERSONEL BERTAULIAH
5	NOMBOR PENDAFTARAN CIDB
6	PERKATAAN: CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD
7	BINTANG PEMISAH ATAS BAWAH
	PERINCIAN TULISAN: SAIZ DIAMETER BULATAN LUAR KE LUAR- 40 MM BULATAN DALAM - SEPERLUNYA JENIS TULISAN – ARIAL SAIZ TULISAN 11-12

4.0 LAIN-LAIN CONTOH BAGI SETIAP JENIS COP/RUBBER STAMP MENGIKUT JENIS PENTAULIAHAN

Rajah 2: Rekabentuk dan format cop/rubber stamp mengikut lain-lain pentauliahan

REKABENTUK STAMP	PERINCIAN SPESIFIKASI
	<p>DIAMETER LUAR – 40MM SAIZ FONT – 11-12 JENIS FONT – ARIAL</p> <p>BOLD PADA NAMA SKKP (CONSTRUCTION PROJECT MANAGER) SAHAJA LAIN-LAIN TAK PERLU BOLD,</p> <p>TIDAK PERLU SEMUA GELARAN PADA NAMA (Ir / Dr / Ts / Prof, etc) HANYA NAMA PENUH SAHAJA</p>
	<p>CONSTRUCTION MANAGER</p>
	<p>FACILITY MANAGEMENT MANAGER</p>

REKABENTUK STAMP	PERINCIAN SPESIFIKASI
 <p>FACILITY MANAGEMENT EXECUTIVE</p> <p>MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN</p> <p>Q51021220110009</p>	<p>FACILITY MANAGEMENT EXECUTIVE</p>
 <p>TRAFFIC MANAGEMENT OFFICER</p> <p>MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN</p> <p>Q51021220110009</p>	<p>TRAFFIC MANAGEMENT OFFICER</p>
 <p>SITE SUPERVISOR (CIVIL & STRUCTURE)</p> <p>MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN</p> <p>Q51021220110009</p>	<p>SITE SUPERVISOR (CIVIL & STRUCTURE) – Perkataan di dalam kurungan SMALLER/NOT BOLD</p>

REKABENTUK STAMP	PERINCIAN SPESIFIKASI
 <p>SITE SUPERVISOR (MECHANICAL WORKS) MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN Q51021220110009</p>	<p>SITE SUPERVISOR (CIVIL & STRUCTURE) – Perkataan di dalam kurungan SMALLER/NOT BOLD</p>
 <p>SITE SUPERVISOR (ELECTRICAL WORKS) MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN Q51021220110009</p>	<p>SITE SUPERVISOR (ELECTRICAL WORKS) – Perkataan di dalam kurungan SMALLER/NOT BOLD</p>
 <p>SITE SUPERVISOR (BUILDING & ARCHITECTURE) MUHAMMAD ZAWAWI BIN FARHAN NIKMAN Q51021220110009</p>	<p>SITE SUPERVISOR (BUILDING & ARCHITECTURE) – Perkataan di dalam kurungan SMALLER/NOT BOLD</p>

5.0 PENUTUP

Diharapkan dengan pemakaian cop/rubber stamp ini kepada PBB dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan penyeragaman praktis secara menyeluruh serta menjadi amalan dalam industri pembinaan negara.

Walaupun bagaimanapun, pemakaian rekabentuk cop/rubber stamp ini perlu ditarik balik sekiranya:

- 1) Mendapat arahan bertulis daripada CIDB Malaysia secara hebahan atau pekeliling bagi tujuan melarang penggunaannya.
- 2) CIDB Malaysia mengeluarkan arahan pemakaian dengan rekabentuk yang baru secara rasmi kepada semua Personel Binaan Bertauliah

Perlu diingatkan bahawa setiap PBB yang ingin menggunakan cop/rubber stamp PBB perlulah terlebih dahulu:

- 1) Berdaftar dengan CIDB Malaysia.
- 2) Telah ditauliahkan melalui Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)/ Perakuan Kecekapan Pengurusan (PKP)/Sijil Kompetensi Kemahiran (SKK) mengikut nama pentauliah yang sah daripada CIDB Malaysia. Penggunaan cop/rubber stamp tanpa berdaftar serta SKKP, PKP atau SKK yang sah adalah dianggap tidak bertanggungjawab kepada industri dan boleh dianggap satu penipuan.
- 3) Mengemaskini semua pendaftaran dan maklumat peribadi di dalam sistem CIMS CIDB Malaysia di laman web: <https://cims.cidb.gov.my/>. Carian dan semakan PBB melalui sistem CIMS menggunakan nombor MYKAD boleh dibuat melalui pautan ini <https://cims.cidb.gov.my/pbsearch/Forms/Transactions/search.aspx?opt=N>

Sekian, semoga usaha daripada Sekretariat Construction Personnel Malaysia ini dapat dimanfaatkan oleh semua PBB dalam menambahbaik keseluruhan penyampaian kerja dalam industri pembinaan negara yang kita kasihi. Jemput semua Warga Pembinaan bagi menyertai Telegram Channel Construction Personnel Malaysia di <https://t.me/+rTbnfhwdGy0zYTII>

Terima kasih.

SEKRETARIAT CONSTRUCTION PERSONNEL MALAYSIA
5 JANUARI 2021